

PATI yang ditangkap dalam operasi tidak boleh pijak bumi Malaysia lagi

Diusir dalam tempoh tujuh hari

Kawasan 2/1/11

KUALA LUMPUR - Pendaftaran asing tanpa izin (PATI) yang selama ini berasa selesa dengan menjadikan Malaysia sebagai lubang rezeki dikejutkan dengan Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 yang mengempur mereka di seluruh pelosok negara secara serentak bermula awal pagi semalam.

Terkejut dengan serbuan tersebut, pelbagai gelagat ditunjukkan PATI ketika berdepan dengan pihak berkuasa termasuk ada antara mereka berpura-pura pengan, bersembunyi di tempat gelap, panjat siling rumah, lari ke dalam hutan atau memberi pelbagai alasan yang tidak munasabah untuk mengelak ditangkap.

Dalam operasi kali ini, tidak ada PATI yang dikesualikan daripada tindakan dan mereka yang ditahan akan diusir ke negara asal dalam tempoh tujuh hari dengan kos pengusiran ditanggung oleh kedua-dua negara asal masing-masing atau majikan PATI berkenaan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, dalam tempoh 12 jam selepas operasi hari pertama bermula pukul 12.01 malam tadi, seramai 1,900 PATI dari pelbagai negara ditahan daripada lebih 6,000 warga asing yang diperiksa di seluruh negara.

"PATI yang ditangkap pada hari pertama operasi itu ialah warga Indonesia 695 orang,

Banglades (255), Myanmar (157) dan selebihnya merupakan rakyat Kemboja, Vietnam, India, Pakistan, Filipina, China, Nigeria dan Thailand," kata beliau pada sidang akhbar di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini semalam.

Menurut beliau, semua PATI yang ditahan ditempatkan di 15 depoh yang disediakan di seluruh negara sebelum semua PATI itu akan diusir.

"Pengusiran PATI tidak dibiayai oleh kerajaan tetapi kos itu akan ditanggung oleh pihak kedua-dua atau majikan PATI itu sendiri," kata beliau.

Selain itu, Ahmad Zahid memberitahu, PATI yang ditahan itu akan disenarai hitam selepas identiti mereka direkodkan dalam sistem data-bank biometrik bagi memastikan mereka tidak kembali ke negara ini.

Kata beliau, Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 itu akan dilakukan secara berterusan sepanjang tahun ini dan dalam tempoh itu melibatkan 10,000 penguat kuasa daripada pelbagai agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Penguat kuasa yang terlibat dalam Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 ini akan mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang membanjiri negara ini," kata beliau.

Beliau berkata, kesemua yang ditahan dalam operasi hari pertama semalam itu membabitkan warga asing yang tiada dokumen perjalanan yang

Penguat kuasa terlibat dalam Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 akan mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang membanjiri negara ini

AHMAD ZAHID HAMIDI

INFO Program 6P

- Program yang digerakkan untuk pendaftaran, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran PATI
- Program 6P dilaksanakan atas dua rasional iaitu rasional keselamatan dan industri
- Dimulakan pada Oktober 2011 hingga 18 Julai 2013
- Sebanyak 1.3 juta PATI telah didaftarkan

■ Dalam tempoh tersebut sebanyak 41,647 PATI berjaya ditahan

- Dalam tempoh itu juga sebanyak 1,000 majikan ditahan dengan 316 orang daripadanya didakwa di mahkamah manakala 46 orang lagi dipenjarakan
- Kira-kira 500,000 PATI telah diputihkan
- 330,000 telah kembali ke negara masing-masing secara sukarela

Sumber: Kementerian Dalam Negeri



AHMAD ZAHID



KERATAN Kosmo! 10 Januari 2014.



KERATAN Kosmo! 20 Januari 2014.



GELAGAT seorang warga asing bersembunyi di bumbung tandas sebuah rumah untuk mengelak ditangkap dalam operasi di tapak pembinaan di Bayan Baru, Pulau Pinang semalam.

sah dan permit kerja.

PATI itu akan diasiat mengikut Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 manakala majikan yang menggaji PATI boleh diambil tindakan di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Akta Anti Penyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010) (ATIP SOM).

Berikutan itu, Ahmad Zahid meminta rakyat negara ini tidak melindungi PATI atau mereka juga terpaksa berhadapan dengan tindakan undang-undang.

Kerajaan sebelum ini mem-

beri tempoh tiga bulan kepada majikan iaitu bermula 21 Oktober tahun lepas hingga kelmarin untuk mendaftarkan pekerja mereka di bawah Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).

Operasi besar-besaran yang diadakan secara serentak di seluruh negara itu membuktikan kerajaan tidak lagi berkompromi berhubung isu PATI.

Ahmad Zahid turut menyertai operasi tersebut yang menyerbu rumah-rumah kongsi di beberapa tapak pembinaan di sekitar Sepang.



SEBAGIAN PATI yang ditahan dalam Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 di Johor Bahru semalam.